



SMK TUNG HUA, SIBU
KUMPULAN A
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 1
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

Nama : _____

Kelas : 5 _____

SEJARAH

KERTAS 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
Jumlah Markah			

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

- 1 Pembentukan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu berbeza daripada yang berlaku di Barat. Ciri - ciri negara bangsa berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan.

- (a) Nyatakan **tiga** buah kerajaan Alam Melayu yang telah mempunyai ciri - ciri negara bangsa.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

- (b) Nyatakan ciri - ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

[3 markah]

- (c) Bagaimanakah anda dapat melaksanakan tanggungjawab bagi merealisasikan matlamat pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu dan maju.

[4 markah]

2 Petikan di bawah berkaitan tentang Persekutuan Tanah Melayu 1948

...Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain

Berita Harian (Sabtu , 27 Oktober 2017)

2 (a). Berikan **dua** ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

(b). Nyatakan syarat kewarganegaraan secara pendaftaran.

[2 markah]

(c). Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah kepentingan kerjasama kaum dalam memupuk perpaduan.

[3 markah]

3. Perlembagaan Malaysia diperkenalkan pada 16 September 1963 yang mengandungi 183 perkara.

(a) Jelaskan maksud perlembagaan

[2 markah]

(b) Huraikan ciri-ciri tradisional yang menjadi asas kepada penggubalan perlembagaan negara kita.

[4 markah]

(c) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang digubal pada tahun 1957 telah mengalami beberapa pindaan sehingga kini.

Mengapakah perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa?

[4 markah]

4. Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan yang mengamalkan konsep pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

(a) Apakah maksud persekutuan?

[2 markah]

(b) Jelaskan perbezaan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

[4 markah]

(c) Pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak.
Berikan penjelasan anda.

[4 markah]

BAHAGIAN B : SOALAN ESEI

ARAHAN : JAWAB **TIGA** SOALAN

5. Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.
- (a) Huraikan ciri-ciri Sistem Ahli. [6 markah]
- (b) Apakah kepentingan Sistem Ahli? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah gabungan pemimpin pelbagai kaum dalam Sistem Ahli penting kepada negara kita. [8 markah]
6. Pada 5 Ogos 1957, Raja-raja Melayu dan British telah menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 di King's House, Kuala Lumpur.
- (a) Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 [8 markah]
- (b) Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting kepada pembinaan negara dan bangsa? [4 markah]
- (c) Pada pandangan anda, mengapakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu perlu dihayati oleh rakyat Malaysia pada hari ini? [8 markah]
7. Petikan berikut telah diucapkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

"Negara hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera selama-lamanya".

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj,
Majlis Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

- (a) Jelaskan konsep kedaulatan. [4 markah]

(b) Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Huraikan jenis-jenis kedaulatan yang boleh dikaitkan dengan negara Malaysia. [8 markah]

(c) Pada pandangan anda, bagaimanakah peranan rakyat Malaysia untuk memastikan negara Malaysia kekal merdeka dan berdaulat? [8 markah]

8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilancarkan pada 17 Jun 1991 merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir pada tahun 1990

(a) Jelaskan matlamat pelaksanaan DEB. [4 markah]

(b) Huraikan strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat DPN [8 markah]

(c) Berdasarkan pengkajian anda, apakah kejayaan pelaksanaan DPN yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia pada hari ini? [8 markah]

9. Gambar 1 menunjukkan logo Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN yang ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 berikutan termeterainya Deklarasi Bangkok



(a) Jelaskan matlamat penubuhan persatuan tersebut. [4 markah]

(b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam ASEAN. [8 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kelebihan dasar terbaik-baik Malaysia dengan semua negara? [8 markah]

~KERTAS SOALAN TAMAT~

Disediakan oleh : Puan Wee Hui Keng
Disemak oleh : Puan Lok Ley Yew
Diluluskan oleh : Datin Susan ak Fidelis Benedict Bansa